

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Monday, November 27, 2017 3:55 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: A Talk On Human Rights — Beri Mahasiswa Pendedahan Dan Kesedaran Tentang Hak Asasi Manusia



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



27 NOVEMBER 2017 / 8 RABIULAWAL 1439H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Mohd Amir Aizat Sainon

Gambar oleh: Abdul Halim Husain

A TALK ON HUMAN RIGHTS — BERI MAHASISWA PENDEDAHAN DAN KESEDARAN TENTANG HAK ASASI MANUSIA



UUM ONLINE: Bagi memberi pendedahan dan kesedaran mengenai hak asasi manusia kepada mahasiswa Universiti Utara Malaysia (UUM), Pusat Pengajian Antarabangsa (SoIS), UUM telah menganjurkan syarahan umum "A Talk On Human Rights," di Auditorium SoIS.

Syarahan disampaikan oleh Pesuruhjaya Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM), Jerald Joseph dan Dr Nik Salida Suhaila Nik Salleh.

Dalam syarahan itu, Pesuruhjaya Jerald menyentuh mengenai Hak Asasi Manusia dari perspektif global dan fungsi-fungsi SUHAKAM, sebuah badan berkanun yang diwujudkan melalui Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 (Akta 597).

"Menurut akta tersebut, fungsi SUHAKAM antara lain adalah untuk memupuk kesedaran dan menyediakan pendidikan yang berhubung hak asasi manusia, menasihati dan membantu kerajaan dan mengesyorkan langkah-langkah yang perlu diambil.

" SUHAKAM juga berperanan mengesyorkan kepada kerajaan berkenaan dengan penandatanganan atau penyertaan dalam perjanjian dan surat cara antarabangsa yang lain dalam bidang hak asasi manusia dan untuk menyiasat aduan berkenaan dengan pelanggaran hak asasi manusia," ujarnya

Selain dari itu jelas beliau, akta berkenaan menyatakan bahawa hendaklah diberi perhatian berat kepada Pengisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat 1948 (UDHR) selagi Pengisytiharan itu tidak bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan.

Sementara itu dalam topik Human Rights In Islam: The Real World Context yang disampaikan Dr Nik Salida, beliau membentulkan salah tanggapan sesetengah pihak yang mendakwa tiada konsep hak asasi manusia di dalam Islam dan konsep hak asasi manusia berkait dengan pemikiran liberal.

"Tanggapan itu tidak betul kerana perkataan "haqq" wujud sebanyak 287 kali di dalam al-Quran dan digunakan dalam 18 maksud yang berbeza.

"Sarjana-sarjana Islam juga banyak menulis mengenai isu hak misalnya As Syaibani yang menulis mengenai kesucian perjanjian, layanan terhadap banduan perang, perlindungan alam sekitar pada masa perang; Al Sanhuri (1954) - kewajipan awam; dan Al-Kabashi (1984) - harta individu yang meninggal," katanya

Tambah beliau hak dalam Islam sentiasa menekankan tentang tanggungjawab berbanding kelayakan (entitlement).

Dr Nik Salida turut menyentuh isu dan cabaran hak asasi manusia yang dihadapi dalam konteks Malaysia seperti pencabulan hak tanah adat orang asli, penderaan, pusat tahanan yang sesak, hak berhimpun secara aman, pendidikan/kesedaran, perjanjian hak asasi manusia antarabangsa dan keganasan.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.